

CNS1273

U CB 20-08 00174 BA690

aab

Mahathir - Umno

SHAH ALAM, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau percaya lebih ramai Anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan akan menyertai Umno sekiranya negeri itu tidak memperkenalkan undang-undang yang menyekat kebebasan mereka menyertai parti lain.

Katanya, dengan pengenalan undang-undang itu boleh dikatakan bahawa demokrasi sudah tersekat di Kelantan.

+Saya percaya ramai daripada anggota dewan ingin menyertai Umno tetapi Kelantan membuat undang-undang yang menyekat mereka sehingga mereka tidak bebas lagi,+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1331, di Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Anggota Parlimen Machang, Encik Ahmad Shukri Haji Hassan dan 400 penyokongnya keluar daripada Parti Semangat 46 dan menyertai Umno semalam.

Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 April lepas meluluskan Enakmen Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Pindaan) 1391 yang menyebabkan kekosongan secara automatik sesuatu kerusi di dewan itu jika anggotanya menukar parti. -- Lagi

♥20/08/16-58MST

CNS1236

U CC 20-08 00177 BA691

nab

Mahathir - Umno 2 Kuala Lumpur

Tarikh berkuatkuasa pindaan itu dikebelakangkan kepada 18 Nov tahun lepas, iaitu tarikh anggota dewan mengangkat sumpah.

Perdana Menteri berkata beliau menyambut baik dan mengalu-alukan kemasukan anggota Parti Semangat 46 ke dalam Umno dan berharap banyak lagi anggota parti itu akan turut berbuat demikian.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Encik Chafar Baba pula berkata, peluang Barisan Nasional (BN) untuk memenangi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Sungai Pinang dan Limbongan kini semakin cerah ekoran perisytiharan Encik Ahmad Shukri dan para penyokongnya.

Encik Chafar, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman Usahasama Teknik antara pengeluar peralatan kawalan komputer dari Jepun, Yokogawa Electric Corporation dengan Universiti Malaya (UM) di universiti itu di Kuala Lumpur.

Beliau menjangkakan lebih ramai anggota dewan undangan negeri Kelantan akan menyertai semula Umno sekiranya Kelantan tidak mengadakan undang-undang yang menyebabkan kekosongan secara automatik sesuatu kerusi di dewan itu jika anggotanya menyertai parti politik yang lain. -- Lagi

♥20/08/17-09MST

CNS1302

u CB 20-08 00123 CA632

aab

Mahathir - Umno 3 Kuala Lumpur

Katanya, pengenalan undang-undang itu menunjukkan Parti Semangat 46 dan Pas takut bahawa anggota dewan di negeri itu akan menyertni Umno.

+Kalau mereka tidak takut, tidak perlu undang-undang itu diwujudkan,+  
katanya.

Pilihan raya kecil DUN kawasan Sungai Pinang dan Limbongan akan diadakan Sabtu ini. Bagi pilihan raya kecil Sungai Pinang, calon EN Haji Nordin Salleh akan ditentang oleh calon Parti Semangat 46 Hoji Mahmud Haji Yaakub serta dua calon bebas Haji Wan Mohamad Wan Abdullah dan Haji Wan Abdul Rahman Wan Hassan.

Bagi kawasan Limbongan, Haji Wan Mohd Najib Wan Mohamad (EN) ditentang oleh Haji Samat Mamat (Parti Semangat 46) serta dua calon bebas Mat Hassan Jusoh dan Afandi Hassan. -- Bernama

♥20/08/17-12MST